

02/11/1998

Sekolah asing murid ikut agama disiasat

Azmi Md Deros

BATU GAJAH, Ahad - Kementerian Pendidikan akan menyiasat dakwaan sebuah sekolah rendah di Petaling Jaya, Selangor yang mengasingkan muridnya mengikut agama, kata Timbalan Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn.

Sambil menyifatkan tindakan itu bertentangan dasar kerajaan yang menggalakkan proses intergrasi kaum terutama di kalangan generasi muda, beliau mengarahkan sekolah terbabit tidak melaksanakan peraturan berkenaan.

"Pelajar tidak sepatutnya diasingkan mengikut kaum atau agama ketika di dalam kelas ataupun ketika menjalani kegiatan kokurikulum," katanya selepas menyertai pertandingan golf kebajikan anjuran Kelab Lion Ipoh, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan akhbar hari ini yang mendakwa sebuah sekolah di Kelana Jaya bercadang mengasingkan muridnya.

Seorang bapa, Edward Rajasooria dilaporkan akan memberhentikan anak perempuannya yang belajar di tahun tiga jika pengurusan Sekolah Rendah Kelana Jaya 1 dan 2 itu meneruskan cadangan berkenaan.

Sebagai contoh, Edward mendakwa, murid tahun empat sekolah itu dibahagikan kepada empat kelas dengan setiap kelas mempunyai 40 murid.

Menurutnya, 40 murid yang cemerlang akan memasuki Kelas A, manakala Kelas B dan C terdiri daripada murid beragama Islam, manakala Kelas D bagi murid daripada agama lain.

Guru besar sekolah itu mendakwa peraturan itu diperkenalkan bagi memudahkan murid beragama Islam kerana mereka tidak perlu menukar kelas bagi mata pelajaran agama Islam dan moral.

Sementara itu, Dr Fong berkata, kementeriannya akan memastikan pihak sekolah tidak mengadakan kelas tambahan atau kegiatan kokurikulum pada Sabtu pertama setiap bulan.

"Ia bagi membolehkan pelajar menghabiskan cuti bersama keluarga mereka dan ia juga selaras keputusan kerajaan mengumumkan Sabtu pertama setiap bulan sebagai cuti umum," katanya.

Menurutnya, sekolah boleh mengadakan aktiviti terbabit pada petang hari biasa atau pada Sabtu lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama, ketika membentangkan Belanjawan 1999 23 Oktober lalu mengumumkan Sabtu pertama setiap bulan sebagai cuti umum.

(END)